

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**SOALAN : Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang dihukum, disiasat dan dibebaskan oleh negara luar mengikut jenis pertuduhan, tahun hukuman, negara dihukum dan jumlah yang disiasat, dihukum dan dibebaskan selepas mereka kembali ke negara ini.**

## **Jawapan**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Er Teck Hwa di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Yang Berhormat, jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang telah dipenjarakan di luar negara atas pelbagai kesalahan sehingga bulan Februari 2015 adalah seramai **1613 orang**. Jumlah tersebut meliputi pelbagai kesalahan yang dilakukan seperti penyeludupan dadah (867), pemalsuan kad kredit (162), mencuri (119), jenayah komersil (78), menipu (65), kesalahan imigresen (19), penyeludupan manusia (12) dan lain-lain kesalahan (291).

3. Terdapat tiga (3) buah negara yang mempunyai jumlah tertinggi rakyat Malaysia yang ditahan atas pelbagai kesalahan iaitu Singapura - 698 orang, Republik Rakyat China - 292 orang dan Thailand - 210 orang.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data terkini sehingga Februari 2015, seramai **229 orang** warganegara Malaysia telah dibebaskan. Malaysia juga sehingga kini tidak mempunyai sebarang perjanjian pertukaran banduan dengan mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin terhadap kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Namun begitu, sekiranya terdapat rakyat Malaysia yang ditahan, didakwa, dibicara dan dipenjarakan atas kesalahan yang melanggar undang-undang di negara tersebut, mereka tidak boleh dibawa kembali ke Malaysia untuk dibicarakan di negara ini.

6. Kerajaan Malaysia sentiasa menghormati dan tidak mencampuri urusan perundangan sesebuah negara. Kementerian Luar Negeri berperanan melindungi hak-hak rakyat kita, sebagai mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang tempatan negara tersebut dan juga undang-undang antarabangsa, seperti Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular 1963 (Vienna Convention on Consular Relations 1963).

Sekian, terima kasih.